

08/07/2001

Umno tidak batal hak bukan Melayu

KUALA LUMPUR: Umno tidak ada niat untuk membatalkan hak bukan Melayu walaupun parti itu akan terus memperjuang dan mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu, kata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri, berkata walaupun Umno mempunyai kewajipan kepada kaum yang diwakilinya, iaitu Melayu, dalam melaksanakan tuntutan bangsa, Umno tidak pernah melampaui batas yang ditetapkan Perlembagaan Persekutuan.

"Apa yang Umno dah lakukan (untuk orang Melayu), kaum lain tak perlu bimbang seperti juga kami dalam Umno tak bimbang dengan hasil perhimpunan atau mesyuarat yang diadakan oleh parti komponen lain.

"Jika kita perjuangkan hak keistimewaan orang Melayu, ini dilakukan tanpa niat dan tujuan untuk membatalkan hak bukan Melayu sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan," katanya dalam ucapan balas di Konvensyen BN di sini, semalam.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, beliau yakin parti lain juga mengambil pendekatan yang sama iaitu hak yang perlu diperjuangkan akan tetap diperjuangkan.

Bagaimanapun, katanya, ini tidak bermakna yang perjuangan bagi kaum yang diwakili sesuatu parti itu akan mengambil ketetapan hanya untuk mengurangkan hak yang menjadi hak Melayu.

"Inilah satu bentuk toleransi dan permuafakatan yang diasaskan bersama oleh parti komponen BN," katanya sambil menambah persefahaman yang wujud sekian lama itu akan dapat memastikan kemajuan dan kestabilan negara.

Pada masa yang sama, Abdullah berkata, Umno dan parti komponen BN faham penghormatan yang diberikan kepada pemimpin Umno untuk mengetuai BN adalah satu pengiktirafan yang besar dan bermakna.

Beliau berkata, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih untuk menjadi Pengerusi BN berdasarkan kepada keyakinan dan kepercayaan daripada 13 parti komponen BN.

"Dr Mahathir dipilih bukan kerana adanya undang-undang atau peraturan, tetapi sekadar satu penghormatan dan kepercayaan daripada parti komponen," katanya sambil menambah perpaduan dan kekuatan Melayu adalah penting untuk perpaduan nasional.

Abdullah berkata, BN berpegang kuat kepada amalan demokrasi yang sihat dan kerana itu, kerajaan menepati apa yang dijanjikan iaitu mengadakan pilihan raya umum setiap lima tahun.

"Pilihan raya umum bukan sekadar untuk memenuhi janji bagi mengikuti Perlembagaan atau memenuhi tuntutan dalam Perlembagaan tetapi, BN sebenarnya rela dan berani bila-bila masa untuk menghadapi pilihan raya.

"Biar rakyat menilai kita kerana walaupun pemimpin kita dimaki hamun dan dikritik tetapi bila tiba masanya, saya percaya bahawa dalam hati rakyat, mereka inginkan perpaduan dan pembangunan negara dapat diteruskan," katanya.

Beliau berkata, adalah menjadi kewajipan BN memastikan kuasa memerintah kekal kepada kerajaan sekarang dan tiada penyalahgunaan kuasa dalam hal ini.

Katanya, kerajaan sedar bahawa jika ada penyalahgunaan kuasa, rakyat tidak akan menyokong lagi kerajaan kerana kuasa yang diberikan hanyalah satu kesempatan dan kemudahan untuk melakukan sesuatu kepada bangsa dan negara.

Abdullah turut menyelar pemimpin yang lemah kerana pemimpin-pemimpin itu tidak akan dapat menunjukkan ketegasan dan keberanian dalam menghadapi cabaran dan masalah.

"Kita telah buktikan bahawa ketegasan pemimpin kita telah dapat mengatasi pelbagai masalah dan semua ini dapat dibuat dengan kekuatan yang lahir dari perpaduan dan kerjasama dari semua peringkat kaum.

"Hari ini kita lihat kejayaan konvensyen yang pertama ini dan ia mungkin menjadi pembuka mata kepada masa depan. Insya-Allah..konvensyen ini akan dibuat setiap tahun," katanya.

(END)